

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN HAJAH KELSOM BINTI ABDULLAH
ADIGURU ANYAMAN PANDAN DAN MENGGUANG

OLEH:

MUHAMMAD FAKRUL RAZI BIN MOHD FARID (2009130719)

NADIA ALISYA BINTI AHMAD TARMIZI (2020974651)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2021 – JUL 2021)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum kami ucapkan. Pertamanya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana telah memberi peluang kepada kami untuk menyiapkan tugas ini. Beliau telah banyak membekalkan ilmu dan membantu kami dengan penuh ketabahan, kesabaran dan sentiasa memberi tunjuk ajar yang baik kepada kami sepanjang proses dalam menyiapkan projek sejarah lisan ini.

Tidak dilupakan juga kepada Puan Hajah Kelsom Binti Abdullah iaitu tokoh yang kami pilih bagi menyempurnakan tugas yang diberikan. Terima kasih atas kesudian beliau menerima kami untuk ditemu ramah bagi menyiapkan projek sejarah lisan ini. Segala nasihat dan kerjasama beliau amat kami hargai kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik di samping memberikan sedikit nasihat dan semangat bagi menyelesaikan pengajian kami ini. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan.

Selain itu, kami juga ingin menghargai jasa dan pengorbanan yang telah dibuat oleh ibu bapa kami. Mereka sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada kami dalam kami meneruskan pelajaran sehingga selesai. Mereka juga sentiasa membantu kami dari segi kewangan dan nasihat yang berguna untuk kami teruskan perjalanan dalam kehidupan ini terutamanya dalam menyelesaikan semua tugas yang diberi oleh pensyarah kami. Kami juga tidak melupakan jasa kawan-kawan kami yang juga banyak memberi tunjuk ajar dan pendapat kepada kami di dalam pelajaran lebih-lebih lagi dalam menyelesaikan tugas projek ini.

Akhir kata, kami telah menggunakan segala ilmu yang telah diajar oleh pensyarah kami untuk menyelesaikan tugas ini. Oleh itu, kami berharap agar tugas ini akan disemak oleh pensyarah kami dengan baik dan kami memperoleh markah yang baik juga. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

| TAJUK | MUKA SURAT |
|--|------------|
| Penghargaan..... | i |
| Isi Kandungan..... | ii |
| Abstrak..... | iii |
| Biodata Tokoh..... | v |
| Pengenalan..... | vi |
| Transkrip | |
| Bahagian A: Latar Belakang Tokoh..... | 1 |
| Bahagian B: Sejarah Pendidikan..... | 4 |
| Bahagian C: Pengalaman Awal Kerjaya..... | 5 |
| Bahagian D: Sejarah/ Pengalaman Dalam Bidang Kraf Anyaman..... | 10 |
| Bahagian E: Produk Kraf Anyaman | 28 |
| Bahagian F: Pencapaian Dan Sumbangan..... | 35 |
| Bahagian G: Harapan..... | 40 |
| Bahagian H: Soalan Tambahan..... | 43 |
| Rujukan..... | 45 |
| Lampiran | |
| Log Wawancara..... | 47 |
| Diari Kajian..... | 62 |
| Senarai soalan..... | 65 |
| Surat Perjanjian Lisan..... | 75 |
| Gambar..... | 76 |
| Indeks..... | 84 |

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Artikel ini mengisahkan tentang latar belakang dan pengalaman hidup sebagai seorang Adiguru dalam bidang Kraf Anyaman Pandan dan Mengkuang yang dikenali sebagai Hajah Kelsom Binti Abdullah atau dengan panggilan mesranya sebagai Kak Ani. Artikel ini berkongsi maklumat tentang perkhidmatan dan perjalanannya sehingga mendapat pengiktirafan sebagai adiguru tenun di Kuala Terengganu. Beliau adalah salah seorang pengusaha kraf tenun yang berjaya dan masih aktif dalam industri kraf selama lebih dari empat puluh tahun untuk memartabatkan seni tenun di Terengganu. Ketelitiannya dalam menghasilkan produk tenun juga sangat dikagumi oleh banyak pembuat tenun pandan dan mengkuang yang lain, dan kerana inilah beliau mendapat pengiktirafan tersebut. Segala maklumat dan fakta yang diperolehi untuk menghasilkan artikel ini adalah berdasarkan kaedah kualitatif iaitu melalui sejarah lisan dan tinjauan literatur daripada beberapa artikel dan laman web yang sahih. Artikel ini berkongsi maklumat tentang latar belakang, pengalaman, cabaran, sumbangan, harapan dan pandangan beliau sepanjang penglibatan dalam seni kraf anyaman pandan dan mengkuang ini. Pengkaji berharap agar segala maklumat yang diperolehi dapat membantu untuk menambahkan dan menyumbang pengetahuan yang sedia ada demi masa hadapan bidang kraf anyaman ini.*

Kata Kunci: *Anyaman Pandan dan Mengkuang, Produk Kraf, Seni Kraf, Menganyam, Bidang Kraf Anyaman.*

ABSTRACT

Abstract: *This article tells about the background and life experience as an Adiguru of Pandan and Mengkuang Weaving Crafts known as Hajah Kelsom Binti Abdullah or by her friendly nickname known as Kak Ani. This article shares information about her services and journey to gain a recognition as a weaving master in Kuala Terengganu. She is one of the successful weaving craft entrepreneurs and is still active in the craft industry for more than forty years to elevate the art of weaving in Terengganu. Her meticulousness in producing a woven products is also greatly admired by many other pandan and mengkuang weavers, and because of this, she has gained such a recognition. All of information and facts obtained to produce this article are based on qualitative methods through oral history and literature review from several articles and authentic websites. This article also shares an information about her background, experiences, challenges, contributions, hopes and views throughout her involvement in pandan and mengkuang weaving craft art. The researcher hopes that all the information obtained can help to add and contribute to the existing knowledge for the future of this field of weaving craft.*

Keywords: *Pandan and Mengkuang Weaving, Craft Products, Craft Art, Weaving, Weaving Craft Field*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Rajah 1: Puan Hajah Kelsom

| | |
|------------------------------|-------------------------------------|
| Nama | Kelsom Binti Abdullah (Kak Ani) |
| Umur | 67 Tahun |
| Tarikh lahir | 20 Mac 1954 |
| Tempat lahir | Kampung Rusila, Marang, Terengganu. |
| Bilangan adik-beradik | 15 orang |
| Nama Ibu | Teh Binti Awang |
| Nama Ayah | Abdullah Bin Osman |
| Bidang | Hasil Rimba |
| Pendidikan | Sekolah Rendah |
| Nombor Telefon | 011-1332 5351 |
| Nama suami | Mohd Syukri Bin Rashid |
| Bilangan anak | 7 orang |

PENGENALAN

PENGENALAN

Malaysia sememangnya terkenal dengan sebuah negara yang penuh dengan hasil hutan rimba yang kaya dengan alam semulajadi yang terdiri daripada beribu-ribu jenis spesis flora dan fauna yang mempunyai banyak manfaatnya kepada manusia. Justeru itu, hasil hutan ini telah dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh manusia baik dari segi komersial, perubatan mahupun dalam bidang makanan. Kekayaan hasil rimba ini juga turut melahirkan budaya menganyam dikalangan masyarakat kampung suatu ketika dahulu sehinggalah kini. Anyaman merupakan salah satu seni tradisional yang mempengaruhi kehidupan dan juga budaya masyarakat Melayu.

Menganyaman di dalam konteks ini adalah suatu aktiviti atau proses menjaringkan atau menyilangkan bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan semulajadi untuk dijadikan satu rumpun yang kuat dan boleh digunakan di dalam aktiviti seharian. Terdapat beberapa jenis bahan yang boleh digunakan iaitu pandan, mengkuang, buluh, lidi, rotan dan juga pokok ribu-ribu. Bahan mentah inilah antara yang sesuai dan popular digunakan untuk dijadikan anyaman. Selain itu, bahan-bahan mentah untuk menghasilkan anyaman ini juga boleh dan mudah didapati dengan senangnya di merata tempat yang sesuai dengan pertumbuhannya.

Tambahan pula, menurut Siti Zainon Ismail (1986) di dalam buku Reka Bentuk Kraftangan Melayu Tradisi terbitannya ada menyatakan bahawa pada zaman pemerintahan Long Yunus (1756-1794) di negeri Kelantan, penggunaan anyaman ini telah digunakan dengan meluas termasuk oleh raja. Sehingga kini, terdapat beberapa negeri yang masih aktif menjalankan kegiatan anyaman ini di peringkat kampung seperti Kampung Rusila, Dungun, Kampung Ru Renggoh, Cendering dan Kuala Ibai di negeri Terengganu.

Justeru itu, tujuan penyelidikan memilih kraf anyaman pandan dan mengkuang ini sebagai skop kajian adalah, kerana seni kraf anyaman ini yang semakin kurang sambutannya seiring dengan negara yang semakin moden dan canggih. Pada masa kini, generasi muda lebih memilih perhiasan yang sesuai dengan trend sekarang yang jauh lebih murah dan bermotifkan corak moden. Akan tetapi, mereka lupa untuk melihat nilai sesebuah hasil

produk dari kraf anyaman ini yang mempunyai nilai yang lebih tinggi kerana ia adalah produk buatan tangan yang memerlukan ketelitian dan kesabaran yang tinggi untuk menghasilkannya. Oleh itu, produk kraf tangan ini mempunyai harga yang sedikit mahal. Jadi, generasi masa kini tidak begitu memilih produk kraf ini sebagai pilihan mereka baik sebagai perhiasan rumah seperti tikar, bakul, bekas nasi, tudung saji makanan, cenderamata ataupun sebagai perhiasan badan seperti beg tangan.

Selain itu, isu lain mengapa kajian ini dilakukan adalah kerana semakin kurangnya pelapis muda untuk mewarisi seni kraf anyaman ini. Seni kraf ini adalah salah satu warisan budaya Melayu yang perlu dikekalkan legasinya agar tidak mudah dilupakan dan lupuk dek zaman. Jadi, dengan adanya kajian ini, penyelidik berharap agar masyarakat akan sedar betapa bernilainya seni kraf ini dan sekaligus dapat menarik minat generasi muda untuk mempelajari seni kraf ini. Di samping itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan pada masa hadapan. Tegasnya, seni kraf ini perlu dilindungi dan diwarisi agar generasi akan datang masih dapat melihat seni kraf yang menarik dan bernilai ini sekaligus ia juga melambangkan identiti masyarakat Melayu.

TRANSKRIP

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup sebagai seorang Adiguru dalam bidang Kraf Anyaman Pandan dan Mengkuang. Bersama-sama kami ialah Puan Hajah Kelsom Binti Abdullah yang merupakan seorang Adiguru Kraf Anyaman pada tahun 2018. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 21/06/2021 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 2.30 petang menggunakan platform atas talian iaitu Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Fakrul Razi dan Nadia Alisya.

PETUNJUK:

| | | |
|----|---|-------------------------------------|
| KA | : | Puan Hajah Kelsom Binti Abdullah |
| MF | : | Muhammad Fakrul Razi Bin Mohd Farid |
| NA | : | Nadia Alisya Binti Ahmad Tarmizi |

SESI PERTAMA

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

MF : Temubual ini akan diadakan sebanyak dua sesi, iaitu sesi pertama yang akan dimulakan oleh saya sendiri. Seterusnya, kita akan berehat dan akan bersambung dengan sesi kedua yang akan diteruskan oleh Nadia Alisya. Baik, tanpa melengahkan masa lagi, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Hajah kerana sudi untuk ditemu bicara pada harini.

MF : Baik Hajah, kita teruskan dengan latar belakang Hajah. Untuk soalan pertama, baik bolehkah Hajah ceritakan sedikit nama penuh Hajah, dan nama gelaran Hajah. Silakan Hajah.

KA : Waalaikumsalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Nama saya Kelsom Binti

Abdullah. Panggilan harian Kak Ani. Mereka kenal saya dengan Kak Ani di kampung-kampung dan jugak [juga] di Kraftangan.

MF : Okey baik Hajah. Dimanakah Hajah dilahirkan?

KA : Saya dilahirkan di Kampung Rusila, Marang, Terengganu pada tahun sembilan belas lima puluh empat [1954].

MF : Baik Hajah. Adakah Hajah masih tinggal di tempat yang sama sehingga kini?

KA : Ya, masih di Kampung Rusila.

MF : Masih di Kampung Rusila. Okey baik Hajah. Seterusnya, bolehkah Hajah ceritakan sedikit tentang latar belakang ibu dan bapa Hajah? Nama dan tempat ibu bapa Hajah membesar serta pekerjaan mereka dahulu.

KA : Nama bapa saya Abdullah Bin Osman dan ibu saya Teh Binti Awang. Mereka merupakan anak Kampung Rusila. Dan pekerjaan ayah pekebun kecil, petani lah. Nelayan pun ada. Dia kerja kampung. Mak pula menganyam, usaha buat anyaman.

MF : Ibu juga menganyam ya Hajah. Okey, okey.

KA : Pendidikan saya setakat sekolah rendah sahaja. Kita tak belajar tinggi. Setakat itu sahaja.

MF : Tak mengapa Hajah. Okey baik Hajah, soalan seterusnya berapa adik beradik yang Hajah ada?

KA : Adik beradik saya seramai lima belas orang [15] orang, tapi [tetapi] dua [2] orang mak. Satu bapa dua mak. Mak pertama ada enam [6] orang, mak kedua sembilan [9] orang. Jadi lima belas [15] orang.

- MF : Baiklah Hajah. Soalan seterusnya, bolehkah Hajah ceritakan sedikit kisah rumah tangga Hajah. Suami Hajah, pekerjaan suami Hajah, bilangan anak serta seterusnya latar belakang anak-anak Hajah.**
- KA :** Nama suami saya Mohd Syukri Bin Abdul Rashid, kerja di Penolong Pegawai Tadbir di perbadanan Kraftangan Terengganu. Jadi samalah, saya pun bekerja di kraftangan jugak [juga] daripada sembilan belas tujuh puluh empat [1974] sampai dua ribu empat belas [2014]. Anak ada tujuh [7] orang. Hasil perkahwinan kami ada tujuh [7] orang anak. Takde [tiada] sorang [seorang] lah yang mewarisi anyaman ni [ini]. Anak yang pertama cikgu, yang kedua pensyarah, yang ketiga pegawai bank, yang keempat kerja sendiri lah sekarang ni [ini]. Yang kelima *engineer* [jurutera] dekat swasta. Yang keenam, buat kerja sendiri dan ada dekat rumah. Yang ketujuh *designer* [pereka] dekat swasta di Puchong, Kuala Lumpur. Ada karier masing-masing lah. Ni [ini] tak [tidak] ambik [ambil] lah bahagian seni-seni ini, tak [tidak] mewarisi bakat yang ada pada makcik.
- MF : Baiklah Hajah. Jadi Hajah menetap di rumah dengan siapa Hajah? Adakah Hajah tinggal bersama suami sahaja atau pun ada yang lain?**
- KA :** Dengan suami dan ada seorang anak yang bekerja sendiri, buat bisnes.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

- MF** : Baik Hajah, terima kasih. Soalan seterusnya, Hajah dah [sudah] sebut tentang latar pendidikan Hajah yang bersekolah sehingga ke sekolah rendah sahaja kan Hajah? Baik Hajah, semasa Hajah bersekolah dulu [dahulu], matapelajaran apakah yang mungkin Hajah suka (sambil ketawa) ?
- KA** : Biasa-biasa sahaja jelah [sahaja lah]. Sejarah kot [mungkin] (sambil ketawa). Sebab kita ni [ini], orang kata anak kampung. Tapi [tetapi] dah [sudah] mewarisi anyaman ni [ini] daripada awal, daripada kecik [kecil]. Daripada belasan tahun lagi. Sebab kita tak [tidak] bersekolah jadi bila mak buat anyaman, mackik terus ikut diorang [mereka] buat. Sampai ke umur dua puluh [20] tu [itu], dapat kerja di perbadanan kraftangan sampailah umur enam puluh [60]. Pengalaman dalam empat puluh [40] tahun, empat puluh lima [45] tahun lah lebih kurang.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: PENGALAMAN AWAL KERJAYA

- MF : **Baik Hajah, jadi semasa Hajah bersekolah dulu [dahulu], Hajah turut belajar menganyam daripada ibu Hajah lah?**
- KA : Ya, ya.
- MF : **Baik, baik. Adik beradik Hajah yang lain adakah juga meminati kraf anyaman seperti Hajah?**
- KA : Ada seorang je [sahaja]. Sorang [seorang] adik pada [daripada] saya sendiri.
- MF : **Jadi, adakah adik Hajah tu [itu] sama aktif seperti Hajah dalam anyaman?**
- KA : Masih lagi aktif. Kalau ada tempahan, dia buat. Orang kata walau umur enam puluh [60] pun, masih lagi aktif.
- MF : **Baik Hajah. Jadi, sepanjang masa Hajah kecil dulu [dahulu], antara aktiviti yang Hajah biasa lakukan adalah kraf anyaman lah. Baik, selain kraf anyaman Hajah ada tak [tidak] perkara-perkara lain yang Hajah minati semasa kecil dulu [dahulu] ?**
- KA : Takde [tiada] (sambil ketawa kecil). Takde [tiada] rasanya. Tu [itu] jah [sahaja] anyaman saja [sahaja].
- MF : **Untuk kraf anyaman tu [itu], Hajah sendiri yang minat ke atau pun mungkin ibu Hajah yang meminta Hajah untuk sama-sama membantu?**
- KA : Sendiri minat. Kalau tak [tidak] minat tak [tidak] buat. Sebab apabila tengok mak buat, jadi kita sendiri pegi [pergi] buat. Tu [itu] minat lah tu [itu].
- MF : **Baik Hajah. Kita sudah selesai dua soalan. Kita seterusnya akan pergi kepada soalan ketiga. Jadi Hajah ada menyebut menghabiskan pelajaran di sekolah rendah. Kemudian berumur dua puluh [20] tahun, Hajah terus bekerja, betul?**

- KA : Ya. Kerja dengan kraftangan.
- MF : **Hajah bekerja sebagai apa di kraftangan?**
- KA : Sebagai tenaga pengajar kraf.
- MF : **Baik. Jadi Hajah bekerja sebagai tenaga pekerja bermula daripada umur dua puluh [20] tahun sehinggalah kini?**
- KA : Enam puluh [60] tahun. Sekarang dah [sudah] pencen dah [sudah], tapi orang masih lagi panggil untuk mengajar pencen pun.
- MF : **Walaupun dah pencen, ada lagi yang meminta mengajar. Baik Hajah, semasa Hajah bekerja di kraftangan itu, boleh Hajah ceritakan apakah faktor yang mendorong Hajah ingin bekerja di tempat tersebut?**
- KA : Semasa tahun sembilan belas tujuh puluh empat [1974], perbadan kraftangan ada latihan anyaman, latihan batik, latihan kayu. Jadi makcik mintak [minta] keje [kerja] dapat jadi tenaga pengajar kraf. Jadi di perbadan kraftangan itu, ada latihan selama dua [2] tahun. Jadi, kami ada dua tiga orang lah yang mengajar situ. Jadi dalam masa mengajar itu juga, makcik selalu dipanggil untuk mengajar di luar seperti kampung-kampung negeri-negeri di seluruh Malaysia.
- MF : **Baik Hajah soalan seterusnya, adakah Hajah ingin menukar pekerjaan semasa itu? Mungkin Hajah ingin mencuba pekerjaan lain kah?**
- KA : Tak [tidak] ada sebab kerja tu [itu] gaji dah lumayan kan. Kerja dah [sudah] tetap dan berpencen. Dalam bekerja tu [itu], kita ada dua tiga unit. Unit latihan, Unit R&D [Research and Development] dan unit pengeluaran. Jadi tukar-tukar begitu lah. Kalau tak [tidak] duduk di unit latihan, pergi ke Unit R&D [Research and Development], reka bentuk barang kemudian ke unit pengeluaran untuk masuk ke kampung-kampung. Jadi minat sendiri pergi ke kampung jumpa orang-orang kampung, buat latihan, panggil pelatih-pelatih seluruh Malaysia selama dua [2] tahun.

- MF** : **Baik Hajah, pengalaman Hajah yang cukup meriah dan cukup berpengalaman. Baiklah soalan seterusnya, semestinya apabila kita bekerja akan ada cabaran yang kita akan lalui. Untuk Hajah, apakah cabaran yang biasa Hajah tempuhi sepanjang di dalam kraf anyaman ini?**
- KA** : Cabaran tu [itu] rasanya takde [tidak] sangat. Cuma kalau [kalau] ada *design-design* [reka bentuk] baru tu [itu] susah juga lah kita nak [hendak] buat. Cuma kita cuba lah. Satu lagi, makcik ni [ini] ada anak ada suami. Apabila orang luar panggil ke Perak, Sabah dan Sarawak, kadang-kadang tu [itu] rasa berat sikit nak tinggal tu [itu], sebab nak tinggal rumah tu [itu]. Jadi terpaksa pergi juga lah sebab kerja kan. Lepastu [selepas itu] masa kerja tu [itu], nak [hendak] cerita pengalaman sikit lah. Masa keje [kerja] tu [itu] makcik pernah pergi ke luar negara dekat Singapore buat (sambil berfikir) demonstrasi untuk kraf anyaman selama tiga [3] bulan. Lepastu [selepas itu], tahun sembilan belas (sambil berfikir) tujuh puluh sembilan [1979] pergi ke Sarawak selama enam [6] bulan untuk ajar orang-orang Sarawak. Lepastu [selepas itu] balik-balik tu [itu] macam biasalah pergi ke luar-luar demonstrasi di Bangladesh dan luar negara tu [itu] adalah juga. Pengalaman manis lah dapat kenal ke tempat orang. Akhir sekali makcik pergi di Jerman. Pengalaman kita selama bekerja. Tapi di Sarawak tu [itu] pengalaman teruk sikit lah sebab dia hantar dekat [di] pedalaman.
- MF** : **Pedalaman yang betul-betul pedalaman ya.**
- KA** : Ha (sambil mengangguk) kampung pun Kampung Sundang Melayu, Sarawak. Nama pun pelik dah dekat [di] _____. Tapi [tetapi] jauh tu [itu] memang lah. Tapi [tetapi] pengalaman perit juga lah tu [itu] kena ambil air, bawa perahu nak ambil air tu [itu] air minum memang perit sikit lah. Tapi [tetapi] takpe [tidak mengapa] lah melalui pengalaman tu [itu], kita berjaya. Insha-Allah.

- MF : Betul Hajah. Tadi Hajah ada bercerita pengalaman bekerja Hajah. Di dalam Malaysia, seingat Hajah, berapa negeri yang Hajah pernah pergi untuk mengajar kraf anyaman ini?**
- KA :** Rasa tak [tidak] silap, semua pergi. Semua negeri Sabah, Sarawak, Perak, Kedah. Perlis dok [tidak] lah. Pahang, Penang, Kelantan semua pergi. Semua negeri lah Insha-Allah.
- MF : Baik Hajah. Jadi, untuk setakat ni [ini], adakah Hajah masih lagi aktif mengajar anyaman di negeri lain atau pun mungkin Hajah hanya mengajar di kampung Hajah sahaja? Setakat untuk yang hari ni [ini] ?**
- KA :** Sekarang ni [ini] lepas [selepas] pada [daripada] pencen makcik dah [sudah] tak [tidak] pergi dah luar-luar. Setakat di negeri Terengganu sahaja, dekat [di] cawangan kraf Terengganu makcik pergi. Kalau luar-luar tu [itu] tak [tidak] pergi dah [sudah]. Tapi [tetapi] kalau buat demonstrasi tu [itu] Insha-Allah lah makcik pergi ke kraftangan tu [itu] adalah juga. Dorang [mereka] panggil untuk adiguru.
- MF : Baik Hajah, selain di dalam Malaysia Hajah ada juga menyebut pergi ke Singapura dan Jerman. Selain daripada itu, adakah negeri-negera lain lagi yang Hajah pergi untuk mengajar kraf anyaman ini?**
- KA :** Dia bukan mengajar tu [itu]. Pergi sana tu [itu] untuk demonstrasi produk anyaman. Untuk produk kita ke luar negara. Bangladesh satu lagi. Untuk tunjuk barang kita lah, kraf anyaman kita.
- MF : Jadi di Bangladesh dan jugak [juga] di Singapore?**
- KA :** Juga Jerman.

- MF : Juga di Jerman. Baik Hajah. Jadi, sepanjang Hajah berada di dalam kerjaya ini, ada lagi tak [tidak] pengalaman-pengalaman manis selain yang Hajah sebut tadi yang mungkin teringat sampai sekarang (sambil tersenyum) ?**
- KA : Teringat sampai sekarang masa pergi Jerman (sambil ketawa) kenangan manis semua beg-beg kita diragut (sambil ketawa). Tu [itu] kenangan pahit tapi [tetapi] manis juga. Beg diragut, dengan *passport* [pasport] semua. Tu [itu] kenangan lah. Masuk kolej, Jerman apa tak [tidak] pandai cakap orang putih [english] tak [tidak] pandai. Kenangan lah tu [itu] tapi Alhamdulillah lah, Allah permudahkan sebab ada kedutaan kita kan.**
- MF : Baik, Hajah. Terima kasih Hajah untuk pengalaman kerjaya tadi yang Hajah ceritakan sebentar tadi.**

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: SEJARAH/ PENGALAMAN DALAM BIDANG KRAF ANYAMAN

- MF** : Baik Hajah kita teruskan dengan soalan seterusnya. Untuk pergi lebih mendalam tentang sejarah dan pengalaman Hajah dalam bidang kraf anyaman. Baik, Hajah tadi Hajah sudah ceritakan bahawa Hajah menceburi bidang anyaman ini atas faktor antara salah satunya iaitu faktor ibu yang mendorong Hajah untuk meminati anyaman ini. Selain daripada Hajah meminati kraf anyaman ni [ini] atas sebab warisan, adakah sebab lain lagi yang mungkin Hajah meminati kraf anyaman ini?
- KA** : Sebab begini, kraf anyaman ni [ini] memang laris. Memang boleh buat duit. Jadi kita ni [ini] berminat untuk ajar orang-orang kampung, belia-belia _ untuk mendapatkan rezeki. Lepastu [selepas itu] minat nak [hendak] buat produk baru. Dari segi macam tu [itu] masuk-masuk kampung orang pun minat dapat duit banyak dapat pulangan. Kalau kita buat biasa, memang tak [tidak] berbaloi. Tapi [tetapi] apabila kita masuk, kraftangan masuk, jadi melalui kita, kita mengajar ilmu baru, mereka dapat menambah pendapatan. Cumanya tak [tidak] ada orang yang berminat setakat ni [ini].
- MF** : **Baik Hajah, soalan seterusnya selain daripada ibu Hajah menjadi inspirasi dalam anyaman, mungkinkah Hajah ada inspirasi lain yang mendorong Hajah untuk lebih meminati dan mengajar kraf anyaman ini?**
- KA** : Nenek pun buat jugak [juga]. Nenek asalnya.
- MF** : **Nenek Hajah pun buat kraf anyaman jugak [juga] ?**
- KA** : Tapi [tetapi] masa dulu [dahulu] dia buat sekadar ni [ini] lah - pulangan tak [tidak] lumayan sangat. Sekarang baru lumayan. Kalau nak [hendak] ikutkan, kraf anyaman memang paling laris berbanding dengan kraf lain. Tapi [tetapi] kraf anyaman ni [ini] murah. Jadi, sebab makcik ni [ini] buat anyaman halus. Bila kita buat anyaman halus, mahal sikit. Macam orang kampung buat kasar-

kasar kan jadi mungkin lah dari segi pembuatan, maccik bertambah minat.

MF : Jadi nenek Hajah, ibu Hajah dan juga Hajah yang meminati kraf anyaman ini.

KA : Ha generasi dari generasi.

MF : Ha, generasi dari generasi.

KA : Ha ya.

MF : Baik Hajah, soalan seterusnya, selain daripada ibu Hajah, adakah Hajah belajar kraf anyaman ni [ini] dengan guru-guru lain?

KA : Setakat ni [ini] tak [tidak] ada sebab begini, kalau kita pandai anyaman, kita masuk kraf anyaman belajar asas anyaman. Kita tiru sendiri jadi mari mana-mana kraf sama ada Sabah dan Sarawak, maccik boleh tiru. Kita ambil contoh, kita ikut buat. Kalau nak [hendak] belajar tu [itu], rasa macam takde [tidak] lah. Mari anyaman gila pun anyaman apa, kita usaha sendiri kita buat. Atau pun kraftangan kan ada *designer* [pereka], bahagian unit R&D [Research and Development] buat bentuk atas kertas buat lakaran, jadi maccik ikut buat. Insha-Allah boleh. Jadi setakat itu, jadi kita makin - dah [sudah] ada orang dah [sudah] buat produk baru, *design* [bentuk] baru. Sebab tu [itu] kita mungkin berminat kot [mungkin] agaknya. Jadi, kraftangan pun berkongsi macam-macam _ _ _ _ _ jadi mungkin lah dari segi tu [itu] lah. Bertambah minat.

MF : Jadi, maksudnya Hajah hanya belajar daripada ibu dan Hajah dapat meniru daripada model-model lain.

KA : Ya. ya (sambil mengangguk).

MF : Jadi, selain kraf anyaman halus yang Hajah beritahu tadi, apakah jenis-jenis kraf anyaman lain yang Hajah pernah buat?

- KA : Rotan biasa buat. Kraf rotan pun biasa, kraf (sambil berfikir) buluh biasa buat (sambil mengangguk). Tu [itu] selalu lah pergi buat --- kraftangan ada kursus-kursus jadi makcik ikut serta sama lah. Macam diorang [mereka] buat kraf rotan, macam bakul-bakul dekat [di] Negeri Sembilan adalah buat juga. Tapi [tetapi], orang kata dah [sudah] kita ni [ini] memang asas anyaman pandan mengkuang, jadi kita buat anyaman pandan mengkuang lah. Tapi [tetapi] kalau mari kraf tu [itu], Insha-Allah boleh buat. Percuh, menerong. Contoh menerong tu [itu] orang tak [tidak] pernah dengar. Ia daripada Kedah. Kita ambil daun, kita cuba. Kita proses sendiri kita buat. Daun apa lagi (sambil berfikir), daun sar. Tudung saji daun sar, tu [itu] makcik buat sendiri tu [itu] boleh lah buat.
- MF : **Soalan seterusnya, tadi Hajah ada sebut tentang kraf anyaman ni [ini] yang membawa pulangan yang lumayan. Baik Hajah. Boleh Hajah ceritakan sedikit, apakah contoh-contoh anyaman yang bagi Hajah ianya lebih lumayan berbanding daripada jenis-jenis yang lain?**
- KA : Kalau nak [hendak] ikutkan, anyaman ini kita buat kepingan tikar, orang dulu-dulu [dahulu-dahulu] buat tikar untuk duduk-duduk aje [sahaja]. Sekarang ni [ini] kita buat tikar halus, macam makcik sendiri buat tikar halus tu [itu]. Dalam satu keping tikar tu [itu] bermacam-macam motif dalam kelarai-kelarai tu [itu] ada dalam tikar tu [itu]. Ada dalam empat puluh lapan [48] jenis motif. Bunga-bunga. Kalau Cik Fakrul dapat mari dengan Nadia boleh lah tengok benda tu [itu] kan, kelarai tu [itu], barang-barang, produk-produk yang kita buat tu [itu]. Kalau dulu [dahulu], orang jual tikar sekeping dalam Ringgit Malaysia sepuluh [RM10]. Sekarang dah Ringgit Malaysia seratus [RM100] dah bersaiz enam kali empat [6x4]. Kalau makcik buat, Ringgit Malaysia [RM500]. Contohnya bunga-bunga ni [ini], macam-macam dalam ni [ini] (sambil menunjukkan buku kraf anyaman). Ada bunga-bunga. Ada tu [itu] dalam Ringgit Malaysia lima ratus [RM500] sekeping, baru empat kaki lebar dua kaki [4x2]. Sebab dia halus dua [2] mm [milimeter]. Macam kasar sikit [sedikit] pada [daripada] benang. Dua

[2] mm [milimeter] lah. Dalam satu keping hiasan dinding lah biasanya. Dalam satu keping tikar ni [ini] dia ada dua puluh [20] motif. Kita boleh buat dua puluh [20] motif, bunga tanjung, bunga cengkih macam songket lah. Lepastu [selepas itu], satu lagi kita buat ubah suai buat beg. Beg tu [itu] anyaman halus PVC [Polyvinyl chloride] kulit tu [itu] kita gabung _ . Jadinya tu [itu] kira lumayan lah. Kalau [kalau] kita dapat jual biasanya beg tu [itu] dalam Ringgit Malaysia sepuluh [RM10], Ringgit Malaysia dua puluh [RM20] kalau [kalau] kita buat dapat Ringgit Malaysia seratus [RM100] sekeping satu beg. Tapi [tetapi] kita kena ubah suai lah. Kena bubuh [letak] *button* [butang], bubuh [letak] hiasan tepi tu [itu]. Memang-memang banyak lah kalau [kalau] untuk buat *sling bag* [beg sling] gini [begini] lah (sambil menunjukkan produk kraf beg sling). Ha buat *sling bag* [beg sling] macam gini [begini] kan.

MF : **Anyaman tangan ya Hajjah?**

KA : Anyaman tangan tapi [tetapi] digabungkan dengan PVC [Polyvinyl chloride] kulit. Jadi dapat buat Ringgit Malaysia seratus lima puluh [RM150], Ringgit Malaysia seratus [RM100]. Orang beli sebab diorang [mereka] tengok seni halus (sambil menunjukkan produk kraf beg sling), diorang [mereka] beli. Tapi [tetapi] kat [di] sini dia tengok pulok [pula] pasaran ni [ini]. Kalau di tempat di Terengganu, memang kurang sikit [sedikit] lah. Kalau [kalau] di Kuala Lumpur, memang pasaran dia tinggi. Pahtu[selepas itu] satu lagi kipas. “Teha wat [buat] mari kipas (sambil meminta produk kraf kipas tangan)”. Kipas ni [ini] sekarang ni [ini] memang usahawan takdok [tiada] dah [sudah] buat. Dia jarang-jarang orang pandai kipas ni [ini]. Kipas mengkuang. Dulu [dahulu] kalau Ringgit Malaysia enam [RM6] je [sahaja] satu, sekarang dah Ringgit Malaysia dua puluh [RM20] dah [sudah] ni [ini] (sambil menunjukkan produk kraf kipas). Kipas ni [ini] semua pandan. Banyak- banyak barang. Yang ni [ini] beg-beg (sambil menunjukkan beg). Yang ni [ini] PVC [Polyvinyl chloride]. Kita gabung dua. Jadi mat saleh [orang Barat] dia suka lah kan, tapi [tetapi] tengok kaler [warna] pulok [pula]. (Sambil menunjukkan buku kraf) macam beg ni [ini] pun

laku sangat, ni [ini] mengkuang ni [ini] tangan seratus peratus [100%]. Ni [ini] tak [tidak] campur PVC [Polyvinyl chloride]. Kita buat hiasan lah. Kita anyam - terus siap. Anyam dengan tangan terus siap (sambil menunjukkan buku kraf). Ha jadi orang ---

MF : Jadi dompet ni [ini] Hajah yang ni [ini] untuk hiasan sahaja ke atau pun boleh di guna jugak [juga]? Yang tadi Hajah tunjuk tadi tu [itu] ?

KA : Yang ni [ini] *clutch bag* [beg klac] lah ni [ini] untuk kepit kan.

MF : Boleh guna jugak [juga] lah bukan untuk hiasan sajalah [sahaja lah].

KA : Memang untuk diguna. Memang untuk --- *event* [majlis] mana-mana boleh pakai ganti dengan beg kulit tu [itu]. Pakai beg ni [ini]. Kalau orang suka seni. Tapi [tetapi] memang laku.

MF : Kalau macam beg macam tu [itu] berapa Hajah harga? Biasanya?

KA : Seratus lima puluh [150] satu.

MF : Seratus lima puluh [150] tak [tidak] lari?

KA : Ha tak [tidak]. Itu kosong, kalau berbunga-bunga lagi ada orang jual Ringgit Malaysia tiga ratus [RM300] dekat [di] Kuala Lumpur lah. Kalau di Terengganu tak [tidak] laku mana.

MF : Jadi antara produk-produk yang Hajah pernah jual adalah tikar tadi, kipas tadi dengan dompet tadi yang Hajah tunjuk?

KA : Bekas telur *goodies* [bekas barang] yang orang buat isi telur. Yang tu [itu] laku.

MF : Jadi biasanya Hajah buat satu produk tu [itu] adakah Hajah buat bersendirian atau pun ada juga orang lain yang buat sekali dengan Hajah?

KA : Kalau beg gabungan-gabungan kulit tu [itu], ada orang lain buat. Jadi, makkik

anyam, gabung bagi kat [dekat] orang lah. Bagi dekat kawan lah, beri kat [dekat] kraftangan jugok [juga]. Bahagian jahit. Kalau hok [yang] tu [itu] yang seratus peratus [100%] tangan, makcik buat seorang. Hiasan dinding pun makcik buat. Daripada ambil bahan, makcik buat semua kalau yang halus. Kebanyakannya macam tu lah [itu lah] kita buat. Ada yang kita beli.

MF : Jadi, kalau contoh tikar yang Hajah tunjuk tadi, berapa masa yang diambil untuk siapkan tikar tersebut?

KA : Kumpul bahan dan anyam dalam dua minggu. Dua minggu lah kalau kita buat betul-betul. Bermula daripada ambil pokok. Dua minggu pergi ke sebulan tengok pada masa. Tapi kalau buat betul-betul, lapan [8] jam sehari, Insha-Allah dua minggu siap sebab dia halus. Motif pulok [pula] pun ---

MF : Jadi sebab itu lah harga tikar tu [itu] mahal?

KA : Ya (sambil mengangguk).

MF : Kalau kipas yang Hajah tunjukkan tadi, berapa lama masa diambil untuk siapkan?

KA : Sehari lah boleh siap. Sebab tu [itu] tak [tidak] ada orang nak [hendak] buat sekarang ni [ini] sebab lambat.

MF : Jadi kalau dompet yang Hajah tunjuk tadi, yang 100 percent tangan berapa lama pula Hajah?

KA : Dalam empat [4] hari. Anyaman tak [tidak] boleh banyak. Dalam satu sehari je [sahaja]. Kalau bekas telur ni [ini] boleh empat [4] biji sehari.

MF : Jadi sehingga kini adakah Hajah aktif menjual barang-barang anyaman kah?

- KA : Orang tempah sahaja sebab kita tak [tidak] boleh buat banyak. Ada orang nak [hendak] banyak, tapi [tetapi] kita tak [tidak] boleh buat. Takde [tiada] orang nak [hendak] buat. Jadi bila orang tempah, maccik buat lah.
- MF : **Jadi kalau macam Hajah ambil tempahan tu [itu], berapa lama yang Hajah akan ambil masa selepas tempahan tu [itu] dan Hajah akan siapkan tu [itu] berapa lama yang Hajah akan berikan masa kepada orang yang menempah tu [itu] ?**
- KA : Dalam masa dua bulan lah. Macam tikar keping tu [itu] sekeping tu [itu] pun dalam sebulan jugak [juga] lah ambil masa. Kalau nak [hendak] proses, masa hujan tak [tidak] boleh. Kena panas. Proses daun makan masa dalam satu minggu.
- MF : **Adakah daun itu untuk kering ke macam mana Hajah?**
- KA : Ya daripada pokok. Nak cerita proses daun? Ambil dari helaian daun di pokok. Potong hujung pakal daun kemudian kita layur di atas bara api, buang duri belakang. Lepas [selepas] buang duri belakang, kita guna jangka untuk membilah kehalusan daun tu [itu]. Kalau kita nak [hendak] buat halus, halus lah. Lepas [selepas] jangka, kita lurut pulok [pula], lurut bagi lembut supaya tak [tidak] menggerutu proses nak awet dia. Lepas [selepas] lurut tu [itu], kita _ _ masuk dalam tempayan. Rendam selama dua malam. Tu [itu] makan masa dua hari dah [sudah]. Semua sekali dah [sudah] empat [4] hari. Proses empat [4] hari baru jemur, jemur dekat ni [ini] di bawah matahari. Jadi, bila kena panas matahari tu [itu], ia jadi putih. Yang hijau tu [itu] dia jadi putih. Lepahtu [selepas itu] kita ambil buat proses mewarna pulak [pula]. Proses mewarna kena masak air biar menggelegak [mendidih], kemudian baru celup pewarna yang kita nak [hendak]. Yang ni [ini] jangka dia (sambil menunjuk alatan jangka). Yang halus, yang kasar. Ikut ni [ini] lah ikut keperluan. Kalu [kalau] kita nak halus, halus. Dia ada ni [ini] peralatan dia untuk melembut ni [ini] (sambil menunjukkan alatan). Lurut-lurut daun nak [hendak] bagi lembut ni [ini] (sambil

ketawa). Banyak proses, cerewet sikit lah. Orang-orang muda memang tak [tidak] berminat sebab duri daun lagi nak [hendak] buang. Lepas [selepas] celup dengan pewarna baru kita boleh anyam. Itu yang makan masa seminggu atau sepuluh hari tu [itu] kalau tikar. Kalau barang kecil sikit [sedikit], lagi cepat.

- MF : Kalau barang kecil [kecil] cepat sikit [sedikit] sebab barang yang Hajah amik [ambil] tu [itu] pun sikit [sedikit] ?**
- KA :** Ya. Bergantung kepada bentuk barang juga. Kalau macam kelarai, kena melibatkan berfikir nak [hendak] buat *design* [bentuk] dia kan. Warna-warni bunga-bunga. Kena fikir. Kita tak [tidak] boleh buat sesuka hati. Kena ikut kepakaran yang itu. Itu kata susah nak [hendak] dapat dah [sudah] sekarang ni [ini]. Kepakaran tu [itu] dah [sudah] tak [tidak] ada dah [sudah]. Hampir nak [hendak] pupus.
- MF : Baik Hajah. Soalan seterusnya, berapa lama kah masa yang diambil oleh Hajah untuk betul-betul mahir dalam seni kraf anyaman ini?**
- KA :** Kalau kita ikut, ikut daripada buat latihan dulu [dahulu] dalam masa dua [2] tahun. Dua [2] tahun tu [itu] mahir lah. Semua boleh buat, Insha-Allah. Daripada _ hingga ke produk-produk - ni [ini] lah macam-macam lah. Kelarai. Asas tu [itu] asas dia lain, kelarai dia lain pulok [pula]. Pahtu [selepas itu] produk ni [ini] bentuk dia lain pulak [pula]. Dalam masa dua [2] tahun lah. Memang kita buat dua [2] tahun. Insha-Allah kalau orang tu [itu] betul-betul berminat, memang dia mahir.
- MF : Soalan seterusnya, apakah persepsi atau tanggapan orang kampung atau keluarga sendiri apabila Hajah betul-betul ingin komited dalam menceburi bidang kraf anyaman ini? Adakah mereka menyokong sepenuhnya Hajah atau pun bagaimana?**

- KA : Keluarga memang lah menyokong sepenuhnya. Ni [ini] anak-anok [anak-anak] sokong lah nak [hendak] buat ni [ini], tapi [tetapi] dah [sudah] tua-tua ni [ini] dah [sudah] rasa tak [tidak] boleh dah [sudah] buat banyak-banyak. Tapi kalau sikit-sikit [sedikit-sedikit] boleh lah. Adik pun memang buat. Ada sorang [seorang] tu [itu]. Adalah dekat-dekat sini, dekat kampung ni [ini] juga.
- MF : **Adik pun tinggal berdekatan dengan Hajah juga?**
- KA : Ya ya. Kalau ada apa-apa tempahan, makcik bagi lah dekat dia.
- MF : **Jadi untuk adik Hajah tu [itu] adakah adik Hajah sahaja yang buat atau mungkin anak-anak dia juga yang menganyam?**
- KA : Tak [tidak] ada waris juga. Takde [tiada] pelapis juga. Bukan kata tak [tidak] berminat, tapi [tetapi] diorang [mereka] berminat. Tapi [tetapi] nak [hendak] boleh proses buat tu [itu] makan masa yang lambat, susah nak [hendak] buat, duit pun tak [tidak] berapa lumayan lah dengan hasil yang kita buat tu [itu]. Tapi kalau orang tu [itu] betul-betul pergi jual sendiri, memang lumayan. Kalu [kalau] sekarang ni [ini] memang permintaan tinggi lah anyaman ni [ini] kalau dibandingkan dengan dulu [dahulu].
- MF : **Baik-baik Hajah. Soalan seterusnya, selain daripada Hajah dan juga adik Hajah, di kraf anyaman tu [itu] berapa ramai kah tenaga pengajar yang masih ada sehingga kini?**
- KA : Tak [tidak] ada sorang [seorang] dah [sudah]. Semua sudah pencen (sambil ketawa). Ya semua pencen. Kraf anyaman dekat perbadanan kraftangan Terengganu semua pencen dah [sudah]. Dah [sudah] tak [tidak] ada.
- MF : **Pelapis baru pun takde [tiada] ?**
- KA : Takde [tiada]. Sebab itu yang makcik mengajar di kampung-kampung itu sebab orang tua juga kena pergi. Sebab orang muda tak [tidak] ada.

- MF : Jadi Hajah dah [sudah] pencen kan. Kraftangan masih lagi panggil Hajah untuk buat program, adakah tenaga pengajar itu hanya Hajah atau dipanggil juga yang dah [sudah] pencen?**
- KA : Kalau yang pencen tu [itu] makcik seorang sahaja. Tapi kita ada juga pelapis seorang dua lagi yang pergi tapi [tetapi] mereka tu [itu] dah [sudah] jadi usahawan dah [sudah]. Anak buah bekas pelatih kraftangan.**
- MF : Baik Hajah, soalan seterusnya. Soalan ni [ini] mungkin --- seperti mana yang Hajah sebut tadi pendapatan lumayan apabila melibatkan dengan kraftangan ini. Semasa Hajah ---, ini melibatkan pendapatan Hajah lah. Ini mungkin soalan yang agak sensitif lah (sambil ketawa). Jadi, semasa Hajah bekerja di kraf anyaman, mungkin berapakah gaji yang mereka tawarkan kepada Hajah sehingga Hajah mampu bekerja selama 40 tahun?**
- KA : Gaji dekat kraftangan tu [itu] kira lumayan lah dengan kita yang tak [tidak] ada lulusan ni [ini]. Dia kira akhir sekali akan pergi ke gred dua puluh dua [22]. Ikut kepada kakitangan kerajaan lah. Gred dua puluh dua [22] tu [itu] boleh lah Ringgit Malaysia empat ribu [RM4,000] tak [tidak]. Lebih kurang begitu lah. Untuk kita yang tak [tidak] belajar tinggi, kira gred SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] . Kalau tenaga pengajar kraf di bawah diploma diambil bekerja. Tapi [tetapi] sebabkan macik ni [ini] berkemahiran, kraftangan ambil makcik di bawah gred yang sama juga. Bergantung kepada kepakaran lah. Biasa kalau di kraftangan itu, ramai pelajar UiTM [Universiti Teknologi Mara] lah. *Degree* [ijazah], diploma yang bekerja di kraftangan ini. Kebanyakan orang dulu [dahulu] memang tak [tidak] ada kelulusan, jadi kraftangan ambil atas kepakaran lah.**
- MF : Jadi semasa Hajah bekerja di kraftangan itu, berapa tenaga pengajar selain daripada Hajah?**

- KA : Empat [4] orang. Tapi [tetapi] semua dah [sudah] pencen dah [sudah].
- MF : **Baik Hajah, semasa Hajah bekerja dahulu, apakah aktiviti yang selalunya Hajah akan lakukan sepanjang pekerjaan tersebut? Selain daripada pergi ke program-program yang akan diberikan? Untuk harian lah.**
- KA : Untuk harian? Saat akhir dah [sudah] nak [hendak] pencen dah [sudah], makcik duduk dalam pembangunan usahawan. Jadi, bila kiat duduk dalam pembangunan usahawan kita tak [tidak] buat anyaman dah [sudah]. Kita pergi ke kampung-kampung buat sumbangan, bengkel, bimbingan teknikal, produk baru. Semua bidang makcik pergi. Kalau kita duduk di unit pengeluaran, kita pergi semua bidang anyaman batik, tenunan, kayu semua kita pergi. Akhir sekali, selepas pencen baru makcik pergi semula ke anyaman.
- MF : **Maksudnya sepanjang Hajah bekerja itu, Hajah mencuba pelbagai bidang. Kemudian dah [sudah] nak [hendak] berpencen, baru Hajah kembali ke anyaman?**
- KA : Ya lah bila dah [sudah] pencen, dah [sudah] tak [tidak] ada apa nak [hendak] buat, makcik buat lah anyaman halus itu. Tapi [tetapi] orang kata kalau pergi semua bidang pun, kita tak [tidak] lupa anyaman halus tu [itu], masih lagi kalau orang panggil mengajar makcik pergi lah.
- MF : **Baik Hajah soalan seterusnya. Sebab tadi Hajah sudah berceritakan tentang pengalaman bekerja Hajah. Soalan seterusnya berkaitan dengan anyaman Hajah ni [ini]. Sekiranya Hajah menjual sewaktu Hajah bekerja dahulu, adakah sekiranya hasil jualan itu masuk di bawah kraftangan atau pun mungkin secara peribadi oleh Hajah sahaja? Semasa pekerjaan dulu [dahulu].**
- KA : Semasa bekerja memang tak [tidak] ada buat pun. Kalau buat barang baru di bawah Unit R&D [Research and Development], itu di bawah kraftangan. Bila kita buat tu [itu], kraftangan ambil dan dihantar ke kampung-kampung lah

produk baru yang kita buat tu [itu]. Kita buat bimbingan teknikal. Jadi, makkik buat contoh dahulu. Jadi tak [tidak] adalah kita buat, kita jual. Tak [tidak] ada. Kita beri kepada orang kampung, baru orang kampung jual.

MF : Maksudnya Hajah akan mengajar orang kampung anyaman itu. Seterusnya orang kampung itu sendiri yang akan menjualnya. Begitu Hajah?

KA : Ya.

MF : Jadi hasil jualan orang kampung tersebut adakah dapat terus kepada mereka atau pun di bawah kraftangan?

KA : Mereka terus lah dapat. Kraftangan buat bimbingan, bagi bahan, ada sesetengah tu [itu] bagi bahan mentah lah. Kalau mereka tak [tidak] ada bahan mentah, kita cuba bantu.

MF : Semasa Hajah mengajar di kampung, adakah bayaran khusus dikenakan kepada mereka atau pun memang semuanya percuma?

KA : Semuanya percuma (sambil tersenyum). Makan minum bagi. Bawah perbadanan kraftangan lah. Mereka bagi percuma lah, bahan mentah bagi. Produk yang mereka buat tu [itu] boleh jual.

MF : Jadi Hajah untuk satu sesi mengajar di kampung itu, adakah Hajah akan mengajar sesi anyaman tu [itu] sehingga habis atau pun dalam masa yang sama Hajah ada mengajar juga di kampung-kampung yang lain?

KA : Macam mana?

MF : Maksudnya, macam kalau Hajah mengajar di kampung kan, adakah Hajah akan mengajar sampai habis dulu [dahulu] atau pun Hajah akan pergi ke kampung lain?

- KA : Ya sampai habis. Kita biasa buat bimbingan dalam masa satu minggu. Satu produk anyaman _ _ _ ya satu minggu baru jadi. Sebab anyaman ni [ini] seni rumit sikit [sedikit] jadi tak [tidak] boleh nak [hendak] buat sambil lewa. Kena ajar daripada awal - daripada pewarnaan kita ajar biasanya, lepahtu [selepas itu] ke produk siap. Contoh kipas tadi kan kita buat itu, daripada pewarnaan terus kita buat siap produk. Jadi mereka boleh terus jual.
- MF : **Satu minggu untuk mengajar kursus di kampung. Maksudnya dalam sebulan, berapa kampung kraftangan akan pergi dan mengajar?**
- KA : Terpulang kepada perancangan. Kalau ada peruntukan dan kampung itu perlu. Tidak semua pergi. Contoh di Paka, Dungun Terengganu. Di sana ada produk anyaman. Maka kena pergi ke kampung itu lah. Tidak boleh pergi ke kampung lain.
- MF : **Baik Hajah. Soalan seterusnya sebab saya sangat-sangat berminat dengan cara Hajah menerangkan tentang kraftangan tersebut. Sebab ada kursus, kemudian diberi bantuan, barang-barang diberikan. Ini kali pertama saya mendengar pasal kraftangan ini. Sebab saya sendiri pun sebagai anak muda pun kita jarang mendengar secara teliti _ anyaman ni [ini].**
- KA : Nanti lepas PKP [perintah kawalan pergerakan] ni [ini] mari (sambil ketawa). Nak [hendak] tengok sendiri.
- MF : **Saya kalau boleh memang nak [hendak] pergi Hajah (sambil ketawa). Sebab kami belajar di Kelantan. Kelantan dengan Terengganu tak [tidak] jauh mana pun. Boleh je [sahaja] kalau nak [hendak] pergi pun.**
- MF : **Baik Hajah, selain daripada kursus di kampung, apakah aktiviti lain juga yang dilakukan oleh kraftangan?**
- KA : Kraftangan banyak. Dia ada promosi. Promosi banyak. Usahawan yang kita ajar tu [itu], dia ada peluang lah untuk promosi barang dia dekat kraftangan buat tu [itu]. Contoh-contoh di _ Terengganu, di Kuala Lumpur. Banyak di hotel-hotel

diorang [mereka] buat. Tapi [tetapi] makcik tak [tidak] berapa tahu lah sekarang ni [ini] perkembangannya. Kalau dahulu tahu lah. Contohnya Hari Kraf Kebangsaan di seluruh Malaysia. Sabah, Sarawak. Seorang usahawan dapat Ringgit Malaysia dua puluh ribu [RM20,000] sekali *event* [majlis] tu [itu]. Sekali jual tu [itu]. Itu anyaman je [sahaja]. Kita cakap pasal anyaman. Kalau batik, songket lain, hoktu [yang itu] banyak tu [itu] ratus ribu tu [itu] (sambil ketawa). Anyaman ni [ini] tak [tidak] banyak lah tapi [tetapi] memang laku. Adalah usahawan dalam dua tiga orang pergi.

MF : Jadi selain kursus di kampung-kampung, ada juga hari kraftangan kebangsaan.

KA : Ya. Ianya program tahunan di Kuala Lumpur.

MF : Berapa kali Hajah terlibat dalam Hari Kraf Kebangsaan itu? Banyak kali juga kah?

KA : Masa makcik kerja dahulu, memang selalu. Tapi [tetapi] selepas pencen ni [ini], selepas jadi Adiguru, mereka panggil lah untuk program Adiguru. Mereka panggil kita, bagi elaun pulak [pula] untuk promosi. Tahun lepas dua ribu dua puluh [2020] bulan tiga [3] sebelum Covid [Coronavirus disease]. Yang itu *last* [akhir].

MF : Baik. Jadi maksudnya kraftangan ini bukanlah menjual barang-barang anyaman secara langsung. Maksudnya ia lebih lagi kepada mengajar dan kemudian orang yang diajar itu yang akan menjual barang-barang anyaman itu?

KA : Ha (sambil mengangguk) jadi dia tolong promosi. Sebab kraftangan tak [tidak] berniaga. Kraftangan dia tolong membantu.

- MF** : **Okey, jadi di kraf anyaman itu Hajah, adakah mungkin ada seperti macam muzium di kraftangan itu sendiri, atau pun takde [tiada]? Maksudnya dekat situ adakah dia boleh buat program, panggil budak-budak sekolah rendah ke datang ke kraftangan itu, ada ke Hajah?**
- KA** : Ada. Ia dipanggil Edu-Kraf untuk budak-budak sekolah. Di kraftangan itu ada pameran lah untuk jualan. Usahawan boleh letak barang di situ, jadi dia boleh jual. Untuk budak-budak sekolah memang ada, memang selalu lah, sebelum pada [daripada] Covid [Coronavirus disease] ni. Memang selalu buat. Makcik pun selalu pergi juga mengajar untuk sekolah dalam satu hari.
- MF** : **Jadi macam Edu-Kraf itu yang terlibat pelajar sekolah rendah ya?**
- KA** : Ya. Sekolah rendah, sekolah menengah.
- MF** : **Kalau universiti Hajah? Ada terlibat juga?**
- KA** : Kalau diorang [mereka] minta, adalah. Tapi [tetapi] kita dok [tidak] buat program lah. Itu atas ni [ini] lah ---
- MF** : **Kalau macam sekolah-sekolah tu [itu] jugak [juga], atas permintaan juga?**
- KA** : Untuk sekolah, kita buka lah program tu [itu] untuk sekolah. Jadi, atas sekolah lah. Dia tengok atas peruntukan. Kalau peruntukan tu [itu] banyak, kita panggil budak sekolah. Dalam satu tahun tu [itu] memang ada lah. Tapi [tetapi] dia banyak kraf batik, kraf anyaman yang selalu dia buat.
- MF** : **Jadi jabatan kraf anyaman ada buat program mengajar dan juga melibatkan pelajar sekolah rendah yang bagi saya satu program yang baik. Soalan seterusnya, kalau macam kraftangan itu sendiri, adakah masih aktif lagi program mencari pelapis? Ada lagi tak [tidak] Hajah kraftangan betul-betul sampai sekarang ni [ini] mencari pelapis jugak [juga] ke atau pun mungkin berkurang?**

KA : Dia kraftangan ni [ini] sentiasa mencari pelapis, tetapi pelapis tu [itu] takde [tiada] (sambil ketawa). Pelapis susah nak [hendak] terima. Sentiasa cari tapi [tetapi] takdok [tiada] pelapis. Susah nak [hendak] ada. Kalau ada pun dia macam di kampung, kalau macam di Terengganu ni [ini], yang aktif sikit di kampung Pinang Merah, Cempaka. Tu [itu] aktif sikit [sedikit]. Ini anyaman lah. Kalau kraf lain mungkin banyak. Ni [ini] anyaman tu [itu]. Di sini sendiri pun, di Kampung Rusila ini pun takde [tiada] pelapis-pelapis. Makcik tak [tidak] cakap lagi ke Encik Fakrul. Asal anyaman ni [ini] di Kampung Rusila. Bermulanya anyaman ni [ini] pandan mengkuang. Itu asal dia. Kampung Rusila kampung yang makcik duduk [tinggal] ni [ini]. Asalnya dulu [dahulu] tahun sembilan belas lima puluh tujuh [1957], makcik baru lahir, ada program RIDA [Rural & Industrial Development Authority] bangunan kecil [kecil] ada sebuah untuk latih anak-anak kampung ni [ini] Kampung Rusila ni [ini] menganyam. Tapi [tetapi] sejak daripada tu [itu] lah bermula daripada RIDA [Rural & Industrial Development Authority] dulu [dahulu] lah. RIDA [Rural & Industrial Development Authority] tau [tahu] dok [tidak] gapo [apa] tu [itu]. Di bawah MARA [Majlis Amanah Rakyat]. Tahun sembilan belas lima puluh tujuh [1957]. Baru merdeka (sambil ketawa). Bermula dari tu [itu] lah. Jadi, makcik tak [tidak] ingatlah, ada adalah orang lama-lama dulu [dahulu] yang pangkat nenek-nenek makcik doh [sudah] yang mengajar di kampung. Di sini lah di pusat ni [ini]. Bila dia mengajar pusat tu [itu], adalah orang luar-luar daripada Perlis, Perak ada mari belajar. Ha perkembangan kraf. Lepahtu [selepas itu] Kraftangan MARA [Majlis Amanah Rakyat] tubuh, jadi kraftangan amik [menggambil] alih. Tak [tidak] ingat nak [hendak] cerita.

MF : **Jadi maksudnya nenek Hajah antara generasi pertama kraf anyaman itu atau pun macam mana?**

- KA : Ya, ya antara generasi pertama (sambil mengangguk).
- MF : **Banyak-banyak dah [sudah] yang kami dapat ni [ini] pasal anyaman. Sangat banyak. Baik, soalan seterusnya, berkenaan pelapis Hajah kan. Jadi kraftangan tu [itu] mencari pelapis. Adakah kraftangan membayar elaun kepada pelapis-pelapis yang belajar di bawah jabatan kraftangan tu [itu] atau pun macam mana?**
- KA : Ya. Masa makcik kerja dulu [dahulu], memang kita cari pelapis-pelapis kita bayar elaun dengan Ringgit Malaysia empat ratus setengah [RM450] sebulan masa sepuluh [10] tahun lepas. Adalah mari dua tiga orang, tapi [tetapi] lepah [selepas] mari dua tiga orang terus hilang tak [tidak] mari-mari. Memang susah. Mereka tak [tidak] berminat. Tapi [tetapi] kalau batik, mereka berminat. Anyaman ini tak [tidak] berapa minat. Mungkin susah nak [hendak] proses kot [mungkin]. Tok [tidak] tahu lah mungkin diorang [mereka] tak [tidak] nampak lah. Kalu [kalau] diorang [mereka] nampak --- tok [tidak] tahu lah. Memang banyak hilang. Ni [ini] pun ada kraftangan cadang nak [hendak] buat lagi cari pelapis untuk bawah warisan. Tapi [tetapi] tok [tidak] tahu bila. Sebab dia ada ni [ini] Covid [Coronavirus disease] kan. Susah lah sikit [sedikit]. Ada hari tu [itu]. Ketua pengarah sendiri datang ke rumah makcik, ketua pengarah Perbadan Kraftangan yang Kuala Lumpur nuh [itu], dia kata dia nak [hendak] buat bawah warisan. Cadangan dia. Insha-Allah lah kot [mungkin]. Lepah-lepah [selepas] ni [ini].
- MF : **Jadi, kalau macam pelapis-pelapis tu [itu] dia dibayar elaun seterusnya kan. Jadi, maksudnya selagi mana pelapis tu [itu] nak [hendak] belajar selagi tu [itu] dia akan terus dibayar elaun? Takde [tiada] kontrak apa-apa takde [tiada] ?**

- KA : Terhad masanya. Masa dalam lebih kurang dalam setahun dua tahun. Kalau dulu [dahulu] ini enam [6] bulan je [sahaja]. Enam bulan diorang [mereka] bayar.
- MF : **Enam [6] bulan sahaja yang dibayar menjadi pelapis?**
- KA : Kalau mereka buat produk, dalam masa enam [6] bulan tu [itu] boleh dah [sudah] buat. Tapi [tetapi] macam kita sekarang ni [ini], kalau [kalau] kita di bawah – dah [sudah] pencen dah [sudah], di bayar elaun jugak [juga] lah - untuk mengajar.
- MF : **Baik- baik. Dari segi pasaran seperti yang Hajah sebutkan tadi, mungkin di Terengganu itu sendiri, berapa kampung yang Hajah tahu yang sangat sampai sekarang masih lagi aktif dengan kraf anyaman ni [ini] ?**
- KA : Ada dalam dua je [sahaja]. Cempaka satu dan pahtu [selepas itu] di Gong Temasik satu. Dia kraf anyaman di Gong Temasik tu [itu] dia bekas pensyarah. Tapi [tetapi] dia tu [itu] banyak buat produk campur. Dia masih aktif lagi lah. Ada dalam empat lagi usahawan. Besut pun ada lagi sikit-sikit [sedikit-sedikit]. Dia buat anyaman halus. Ada jugak [juga]. Dia bekas pelatih kita bekas pelajar kita.
- MF : **Baik kita selesai empat soalan utama dengan sesi temu bual bersama Hajah. Terima kasih kepada Hajah. Baik, seperti mana yang saya katakan sebentar tadi, sejurus habis sesi pertama ini kita akan berehat sebentar selama sepuluh [10] minit. Kita minum-minum dulu [dahulu]. Seterusnya, lepasni [selepas ini] kita akan bersambung balik boleh Hajah ya.**
- KA : Boleh. Mana airnya nak [hendak] minum (sambil ketawa).

TAMAT BAHAGIAN D

SESI KEDUA

BAHAGIAN E: PRODUK KRAF ANYAMAN

- MF** : Okey, baik (sambil mengangguk). Terima kasih. Terima kasih diucapkan kepada Hajah. Baik seterusnya kita akan bersambung dengan sesi kedua, temubicara bersama Puan Hajah Kelsom Binti Abdullah. Sesi kedua ini akan diteruskan oleh rakan saya Nadia Alisyia tanpa melengahkan masa dipersilakan (sambil tersenyum).
- NA** : Okey, terima kasih Fakrul di atas temubual yang dikendalikan pada sesi pertama tadi. Seterusnya, Hajah izinkan saya untuk sambung pula sesi kedua kita iaitu berkenaan dengan produk kraf anyaman. Okey Hajah, soalan pertama. Boleh Hajah ceritakan apakah uniknya seni kraf anyaman pandan dan mengkuang ini (sambil tersenyum)?
- KA** : Uniknya apa ini (sambil tersenyum), anyaman pandan mengkuang ini lain daripada anyaman lain. Anyaman buluh dia kasar, anyaman pandan ni [ini] dia halus. Anyaman pandan ni [ini] dia jarang dapat dekat Sarawak, Sabah dia lain. Kalau buluh kan dia banyak tempat dia ada. Anyaman pandan ni [ini] di Terengganu sahaja. Di Kampung Rusila sahaja. Anyaman pandan halus. Dia lain daripada --- kalau anyaman asli, orang asli, memang ada jugak [juga], tapi [tetapi] dia berbeza. Anyaman orang asli dia motif dia banyak kepada apa (sambil berfikir) dia daun dia. Daun dia, daun mengkuang dia lembik [lembut] sikit [sedikit]. Kalau macam kita (sambil mengambil produk kraf) di anyaman pandan ni [ini] keras sikit [sedikit]. Dia macam --- (sambil berfikir).
- NA** : **Dia macam lain.**
- KA** : Ha, dia berbeza. Dia unik gitula [begitu lah]. Lagi pulak dia anyaman pandan ni [ini] banyak motif, motif dia banyak (sambil menunjukkan produk kraf). Empat puluh lapan [48] jenis kelarai - orang asli pun ada tu [itu] -

- NA : **Okey.**
- KA : Anyaman tu [itu] tapi [tetapi] dia mungkin berbeza sedikit kot [mungkin].
- NA : **Ada jugak [juga].**
- KA : Dia, dia banyak gini [begini], anyaman, anyaman pandan ni [ini] dia banyak, dia dia terbahagi kepada apa, tiga [3] bahagian (sambil memegang produk kraf). Anyaman corak, anyaman kelarai, anyam apa orang kata, motif. Motif tu [itu] dia banyak kepada bunga, alam, alam semula jadi, __ haiwan, nama-nama ni [ini] (sambil menunjukkan produk kraf), nama kelarai-kelarai ni [ini]. Diorang [mereka] kata contoh apa ni [ini] kepala gajah, jari kedidi, itu burung-burung dok [kan], kalau [kalau] bunga pulok [pula], bungo tanjung, bunga melur, tu [itu] unik dia nya (sambil tersenyum).
- NA : **Okey, soalan seterusnya Hajah, boleh saya tahu di manakah Hajah sering mendapatkan bahan seperti daun pandan dan mengkuang untuk menganyam? Adakah Hajah macam ambil sekeliling rumah je ke [sahaja kah] ?**
- KA : Biasanya, kalau apa ni [ini] daun pandan ni [ini], makcik cari sendiri lah dekat-dekat, adalah dekat rumah kawan-kawan. Kalau mengkuang tu [itu] biasanya beli dengan orang kampung, dengan usahawan yang buat, yang proses daun.
- NA : **Okey, seterusnya, Hajah ada cakap tadi jenis motif yang ada empat puluh lapan [48]. Boleh Hajah bagitahu tak [tidak] nama-nama motif tersebut dan motif mana yang Hajah selalu guna untuk buat produk?**
- KA : Kalau untuk kita buat produk, kita banyak kepada anyaman gadas, anyaman asas. Anyaman gadas tu [itu] dia, apa ni [ini] (sambil berfikir) tak [tidak] termasuk dalam motif. Kalau motif kelarai pulok [pula], kita banyak kepada apa ni (sambil berfikir) berat kelarai beras patah, cengkih beranak, untuk dijadikan produk. Apa ni [ini] kalau buat tikar pulak [pula] banyak cik kedah. Cik kedah berakar dia panggil. Dalam tu [itu] ada bunga berembai, bunga pecah lapan

banyak (sambil ketawa), banyak nak-nak [hendak] cerita. Banyak lah. Pucuk rebung, pucuk jala, hoktu [yang itu] dalam satu tikar. Kalu [kalau] buat produk-produk kecik [kecil] ni [ini], kita gunakan kelarai kecik-kecik [kecil-kecil] jela [sahaja lah]. Contoh kelarai beras patah, tikus keluar, apa ni [ini] (sambil berfikir), cengkih beranak, tu [itu] kalu [kalau] kita buat produk kecik-kecik [kecil-kecil] (sambil menunjukkan produk kraf) yang beg, macam contoh-contoh beg tu [itu].

NA : **Okey, seterusnya ---**

KA : Kelarai ---

NA : **Ehem? (sambil tersenyum)**

KA : Kelarai berdiri satu lagi.

NA : **Banyak tu [itu] (sambil tersenyum). Semuanya tak [tidak] kenal. Okey, seterusnya unsur yang Hajah biasa terapkan dalam motif tu [itu], menggunakan unsur semula jadi ke flora fauna ke macam mana?**

KA : Corak tradisional lah biasanya.

NA : **Corak tradisional.**

KA : Ha, corok-corok [corak-corak] yang dibuat apa dalam bidang anyaman kan, corak tradisional termasuk lah orang kata, motif apa (diam sambil berfikir) bunga. Flora dok [kan], flora tu [itu] bunga, apa ni [ini] (sambil berfikir) haiwan, kita buat dalam satu helaian tikar tu [itu] kepingan tikar tu [itu] hiasan dinding. Satu contoh hiasan dinding, satu dia ada dalam lima [5] atau pun sepuluh [10] motif. Itu termasuk lah kelarai pecah lapan, tu [itu] bunga belake [semua] tu [itu], bunga tanjung, pucuk rebung -

NA : **Jenis-jenis bunga.**

KA : Pokok-pokok dalam _ _ _ _ _

- NA : **Seterusnya, dari manakah Hajah sering mendapat tempahan ---**
- KA : Ni [ini], Nadia. Nak [hendak] cakap cerita ni [ini] (sambil menunjukkan buku kraf anyaman). Yang ni [ini] susah sikit [sedikit] orang nak [hendak] ni [ini]. Anyaman gila dia panggil. Motif anyaman gila.
- NA : **Anyaman nyila?**
- KA : Anyaman gila, gila (sambil tersenyum). Anyaman gila ni [ini] sakit otak [otak] sikit [sedikit] lah (sambil ketawa) nak [hendak] buat dia. Nak [hendak] buat tu [itu]
- NA : **Susah [susah].**
- KA : Anyaman gila ni [ini] biasanya dia buat ni [ini] daripada Melaka. Yang orang buat rombongan (sambil memegang buku kraf anyaman). Kalu [kalau] dulu-dulu [dahulu-dahulu] Melaka ada so [satu] tepat [tempat] tu [itu] dia buat rombongan kecik-kecik [kecil-kecil]. Rombongan macam bentuk-bentuk gini [begini] (sambil menunjukkan produk kraf) dia buat __ anyaman gila.
- MF : **Anyaman gila (sambil ketawa). Nama pun anyaman gila.**
- KA : Ha (sambil tersenyum).
- MF : **Memang susah lah yang itu.**
- NA : **Susah.**
- KA : Orang pun jarang pandai lah. Ada sorang [seorang] dua je [sahaja] yang dapat buat.
- NA : **Hajah boleh buat lah kan (sambil tersenyum) ?**
- KA : Insha-Allah (sambil tersenyum).

NA : Seterusnya dari mana Hajah sering mendapat tempahan untuk menghasilkan produk kraf? Adakah daripada orang kampung ke?

KA : Terima tempahan?

NA : Ha daripada siapa.

KA : Biasanya daripada kenalan dalam, daripada individu lah. Kraftangan pun ada jugak [juga]. Dia bawah kraftangan ada orang tepoh [tempah]. Contoh ada Parkson [pusat membeli-belah] dulu [dahulu], ada sekali tu [itu] dia tempah beg (sambil berfikir), beg tiga ribu [3000]. “Beg tiga ribu [3000] ke brape [berapa]” (sambil memandang ke tepi). Beg-beg dompet kecil [kecil]. Tu [itu] melalui _ _ _ _ . Ranika selalu jugak [juga] tempoh [tempah], tikar-tikar kelarai halus. Ranika tu [itu] bawah [di bawah] kraftangan. Anok-anok [anak-anak] syarikat kraftangan yang - tempat jualan dekat Kuala Lumpur tu [itu]. Pahtu [selepas itu], individu tu [itu] macam kat [dekat] dalam, adalah datuk-datuk yang biasanya diorang [mereka] buat-buat ni [ini] (sambil menunjukkan produk kraf bekas barang). Ha diorang [mereka] lah tu [itu], kitorang [kami] biasanya dekat *archives* [arkib] tu [itu] tempat mahal kan. Ada jugok [juga] orang biasa-biasa nok [hendak] macam gini [begini] (sambil menunjukkan produk kraf bekas barang). Adalah diorang [mereka] cari melalui *Facebook* [pelantar media sosial] anak [anak]. Diorang [mereka] guna _ _ _ *Instagram* [pelantar media sosial] dia.

NA : Di antara produk yang Hajah hasilkan tu [itu], produk mana kah yang paling popular? Atau pun yang sering mendapat tempahan?

KA : Ni [ini] macam produk gini [begini] (sambil menunjukkan produk kraf). Produk cenderahati. Cenderahati, kipas (sambil berfikir) - ha ni [ini] lah. Macam tikar kelarai tu [itu] jarang-jarang. Tikar kelarai tu [itu] tertentu sahaja. Pahtu [selepas itu] beg-beg. Kipas ni [ini] memang banyak. - beg-beg *clutch bag* [beg klac] tu [itu] selalu tempahan. Ada tempahan. *clutch bag* [beg klac] _ _ _ .

- NA : **Yang paling orang pilih selalu. Okey, seterusnya berapa kah harga produk yang paling mahal yang Hajah pernah hasilkan?**
- KA : Tikar kelarai halus
- NA : **Tikar kelarai halus. Berapa kah purata harga?**
- KA : Dalam empat ratus [400] lima ratus [500] selai [sehelai]. Satu.
- NA : **Baiklah untuk seterusnya, adakah hasil produk kraf anyaman Hajah ni [ini] pernah masuk pertandingan atau pertunjukan dalam negara atau pun luar negara?**
- KA : Pergi demonstrasi selalu lah. Bawok [bawa] pertunjukan tu [itu] takde [tiada] lah. Tak [tidak] masuk pertandingan. Tak [tidak] pernah.
- NA : **Untuk demonstrasi lah.**
- KA : Sebab keje [kerja] kan. Maccik keje [kerja] dulu [dahulu] jadi kita tok [tidak] terlibat langsung lah dengan pertandingan. Jadi kalau [kalau] ada pun tak [tidak] masuk lah. Dulu-dulu [dahulu-dahulu]. Sekarang ni [ini] dah [sudah] memang tak [tidak] buat lah (sambil ketawa).
- NA : **Untuk soalan seterusnya, sekarang kan kita pandemik Covid [Coronavirus disease] kan, jadi apakah kesan pandemik ni [ini] terhadap penghasilan produk kraf? Maksudnya sambutan dia tu [itu] macam mana? Banyak macam sebelum ni [ini] ke atau dah [sudah] berkurang sikit [sedikit].**
- KA : Sekarang ni [ini] memang berkurang lah sebab orang nak [hendak] pergi cari bahan mentah pun tak [tidak] boleh. Nak [hendak] cari bahan mentah, nak [hendak] amik dekat _ dekat - dia kebanyakan bahan mentah ni [ini], tepi-tepi laut. Pandan tu [itu] yang berduri tu [itu] tepi laut. Pahtu [selepas itu] kalau [kalau] daun mengkuang pulok [pula] dekat sawoh-sawoh [sawah-sawah]. Jadi dia memang tak [tidak] boleh pegi [pergi] ambik [ambil]. Sebab kena berkurung

(sambil tersenyum).

- NA : **Memang terhad lah. Apa pula kesan pandemik terhadap kelas menganyam Hajah? Jadi, kelas tidak boleh diadakan lah kan. Kelas menganyam.**
- KA : Semua benda lah sekarang ni [ini]. Kraftangan tunda semua aktiviti, kursus apa memang dia tak [tidak] buat lah. Tapi [tetapi] masih lagi ada tempahan ni [ini] (sambil menunjukkan produk kraf kipas tangan).
- NA : **Tempahan masih ada.**
- KA : Masih lagi ada tempahan dekat kampung tu [itu], satu Kampung Paka, Dungun Terengganu yang makcik pernah pergi ajar apa bulan satu [1]. Awal bulan satu [1]. Dia masih tempah (sambil menunjukkan produk kraf kipas tangan) .
- NA : **Cumo [Cuma] kelas jela [sahaja lah] dih [kan] tokleh [tidak boleh] buat dih [kan]?**
- KA : Ya?
- NA : **Cuma kelas jela [sahaja lah] tak [tidak] boleh nak [hendak] ajar-ajar orang.**
- KA : Tempahan berjalan. Kelas je [sahaja] yang tak [tidak] buat.

TAMAT BAHAGIAN E

BAHAGIAN F: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN

- NA : Okey, seterusnya Hajah kita pegi [pergi] dekat bahagian pencapaian dan sumbangan Hajah sepanjang berkhidmat dalam bidang kraf ni [ini]. Okey, soalan pertama apakah antara anugerah yang Hajah dapat sebelum atau selepas bergelar adiguru anyaman ini?**
- KA : Sebelum hari tu [itu] lah dapat apa masa keje [kerja] dulu [dahulu], ada PJK [pingat jasa kebaktian]. PJK [pingat jasa kebaktian] lah pingat cemerlang. Lepastu [selepas itu] apa ni [ini] anugerah pingat cemerlang dengan kraftangan dapat lah. Pernah dapat lah kan. Pahtu [selepas itu], adiguru ni [ini] satu. Paling-paling apa ni [ini] orang kata paling besarnya adiguru lah (sambil tersenyum). Tahun dua ribu lapan belas [2018].**
- NA : Lepastu [selepas itu], boleh saya tahu apakah kriteria yang membolehkan Hajah untuk terima anugerah adiguru anyaman tu [itu].**
- KA : Pengalaman kot [mungkin] (sambil ketawa). Pengalaman apa ni [ini]. Ni [ini] lah sebab ramai orang pandai. Tapi [tetapi] pengalaman, mungkin pengalaman lebih daripada - orang lain sikit [sedikit] kot [mungkin]. Sebab makcik ni [ini] selalu pegi-peggi [pergi-pergi] adalah orang panggil-panggil kan. Rasa pengalaman lah. Pengalaman dengan kepakaran.**
- NA : Pengalaman. Pengalaman lama (sambil tersenyum).**
- KA : Ha, dengan kepakaran kita lah (sambil tersenyum).**
- NA : Kalu [kalau] Hajah ingat lagi, sape [siapa] yang bagi anugerah tu [itu]? Anugerah adiguru anyaman tu [itu]?**

- KA : Tu [itu] datuk yang apa yang selalu - “ nama yang selalu, bukan dia syafiq apa (sambil ketawa) dalam tu [itu]”. Yang baru ni [ini] menteri tu [itu] kan yang, nama apa. “syafiq tu [itu], bukan apa nama tu [itu] tak [tidak] ingat dah [sudah] lah.”
- NA : **Takpe [tidak mengapa] kalu [kalau] Hajah tak [tidak] ingat.**
- KA : Macam cina-cina sikit [sedikit].
- NA : **Takpe [tidak mengapa] lah kalu [kalau] Hajah tak [tidak] ingat. Kita pegi [pergi] ---**
- KA : Mari nak [hendak] tunjuk gambor [gambar]. Awok [awak] ingat tu [itu].
- MF : **Ha, tunjuk Hajah boleh kitorang [kami] tengok.**
- KA : Ni [ini] ha (sambil menunjukkan buku) ni [ini] -
- NA : _____ .
- KA : Napok [nampak] ni [ini], nama apa dia. Yang Sabah, yang Sabah tu [itu] Syafiq nama apa (sambil berfikir). Tok [tidak] ingat lah. Menteri pelancongan lah. Menteri pelancongan yang lepas. Menteri pelancongan Saboh [Sabah] yang lepas tu [itu].
- MF : **Bung Moktar ke Hajah?**
- KA : Mana Bung Moktar tak [tidak] jadi menteri sini (sambil ketawa).
- MF : **Orang sabah ___ .**
- KA : Nama dia pelik sikit [sedikit].
- NA : **Takpo [tidak mengapa] kita cari nati [nanti].**

- KA : Takpe [tidak mengapa] lah dia lepas kan dia masa tu [itu] masa (sambil berfikir) - ha Mohammadin Ketapi. Ketapi _ _ _ (sambil ketawa).
- MF : **Mohammadin Ketapi tu [itu]. Okey, okey kenal-kenal Hajah.**
- KA : Kenal masa tu [itu] lah dulu [dahulu] sebab ni [ini]. Ketapi, Ketapi nak [hendak] sebut tu [itu] (sambil ketawa).
- NA : **Okey, kita pegi [pergi] seterusnya apakah antara faktor yang membawa kejayaan dalam diri Hajah untuk menganyam ni [ini]? Maksudnya kita kena sabar lah kan kalau [kalau] buat menganyam ni [ini] ?**
- KA : Faktor dia minat dulu [dahulu] lah. Lepas [selepas] minat, sabar. Lepas [selepas] sabar kena usaha - kalau [kalau] tidok [tidak] tawakkaltu alallah, Insha-Allah (sambil ketawa).
- NA : **Tu [itu] je [sahaja] kan.**
- KA : Cabaran pun banyak. Memang banyak. Biasa lah. Bila kita minat, ada cabaran boleh lah. Boleh lalu lah.
- NA : **Seterusnya bagaimana kah pencapaian sebagai adiguru ni [ini] telah mengubah hidup Hajah? Maksudnya sebelum Hajah bergelar adiguru ni [ini] sibuk tu [itu] biasa-biasa je [sahaja] ke tapi [tetapi] lepas [selepas] bergelar ni [ini] makin sibuk ke macam mana Hajah ?**
- KA : Biasa aje [sahaja] (sambil ketawa). Adalah tapi [tetapi] lebih lah sikit [sedikit] daripada kita pencen biasa tu [itu]. Kalau [kalau] masa adiguru ni [ini], kalau [kalau] kraftangan panggil kena pegi [pergi]. Sebab kita kena terima lah. Macam ni [ini], yang ni [ini] tanya ni [ini], kena jawab (sambil ketawa). Kena ni [ini] lah apa kerjasama dengan sape-sape [siapa-siapa] kan. Sape-sape [siapa-siapa] nok [hendak] mari *interview* [temuramah] – makin ramai orang kenal lah kalau [kalau] ikutnya kan. Dulu [dahulu] kita duduk dalam kraf je [sahaja]. Sekarang

ni [ini] kita pergi dekat promosi, buat demonstrasi, ada jualan, ada tempahan jadi banyak sikit [sedikit] lah. Lebih sikit [sedikit] lah daripada biasa.

NA : Seterusnya, antara cabaran yang Hajah hadapi dalam memberi sumbangan untuk mendidik masyarakat tentang seni kraftangan ini? Apakah antara cabaran tu [itu]?

KA : Cabaran takde [tiada] pelapis baru (sambil ketawa). Takde [tiada] pelapis-pelapis baru. Itu lah cabaran yang paling ketara.

NA : Takde [tiada] yang minat dih [kan].

KA : Ha, ya lah.

NA : Okey, lepastu [selepas itu] sekiranya ada pihak yang ingin Hajah ke hadapan lagi untuk menabur bakti dalam bidang kraftangan ni [ini], adakah Hajah masih bersedia ke atau pun tak [tidak] nak [mahu] dah [sudah] sebab dah [sudah] pencen ke macam mana?

KA : Insha-Allah kalau diberi peluang, umur panjang. Ilmu ni [ini] kita kena bagi kepada siapa-siapa yang nak [hendak]. Orang kata berbakti untuk masyarakat, untuk yang berminat lah kan Insha-Allah.

NA : Seterusnya, apakah antara sumbangan yang Hajah pernah lakukan di peringkat antarabangsa? Buat demonstrasi itu lah?

KA : Ya, demonstrasi lah (sambil mengangguk). Tidak ada dah.

NA : Okey, selesai soalan untuk bahagian ini. Kita ke bahagian yang ---

KA : Sumbangan ada jugok [juga]. Ada juga buat buku dekat Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku-buku kraf.

NA : Macam buku yang Hajah tunjuk tadi ke?

- KA : Tu [itu] banyak-banyak buku dengan Dewan Bahasa. Makcik ada pergi mesyuarat dengan AJK [Ahli Jawatan Kuasa] Dewan Bahasa berapa tahun jugak [juga] lah buat buku untuk dia. Berapa tahun tak [tidak] ingat dah [sudah], tahun lapan puluhan [1980-an] kot [mungkin]. Lama dah [sudah]. Tapi [tetapi] memang adalah tu [itu].
- NA : **Buku yang Hajah buat tadi tu [itu], Hajah buat sendiri ke?**
- KA : Yang ni [ini] anak [anak] buat. Dia ambik [ambil] je [sahaja]. Dia amik [ambil] gambar-gambar yang dekat rumoh [rumah] ni [ini] la sikit-sikit [sedikit-sedikit].
- NA : **Buku Hajah sendiri.**
- KA : Ha, sendiri je [sahaja]. Reka-reka sendiri (sambil ketawa).
- NA : **Tak [tidak] ada nak [hendak] terbitkan biar orang lain tengok ke ?**
- KA : Insha-Allah. Memang bercadang nak [hendak] buat jugak tu [itu]. Perancangan ada. Tapi [tetapi] tok [tidak] tahu lah _ _ _ - . Ada buku sendiri yang kita pernah buat lah dulu [dahulu]. Kraftangan pernah buat. Tapi [tetapi] kata nak [hendak] buat lain ni [ini] untuk sendiri. Nak [hendak] buat hok [yang] sendiri. Kira *detail* [terperinci] lagi lah untuk pengalaman yang lalu-lalu kan. Kita nak [hendak] ambik [ambil] balik lah. Insha-Allah.
- NA : **Tulis balik.**

TAMAT BAHAGIAN F

BAHAGIAN G: HARAPAN

- NA : **Okey, untuk bahagian seterusnya yang terakhir. Apakah harapan Hajah terhadap generasi muda dan masyarakat sekarang yang berminat dalam bidang kraf anyaman ini?**
- KA : Harapan (sambil berfikir) ini lah kalau ada agensi-agensi kerajaan, perbadanan, orang kata yang sanggup mengadakan aktiviti anyaman. Nak [hendak] perhidupkan balik biar ada sape-sape [siapa-siapa] agensi naikkan seni kraf anyaman ni [ini] biar berkekalan dan tidak luput dek zaman. Mana tahu kot-kot [mungkin] ada orang berkenaan yang tengok anyaman ni [ini] dia sayang, dia rasa nak [hendak] ni [ini] balik. Mana tahu kerajaan negeri ke apa ke. Kraftangan dah [sudah] cuba dah [sudah]. Tapi [tetapi] tok [tidak] jadi-jadi. Takut lah ada lagi badan-badan lain nak [hendak] ketengahkan lagi anyaman ni [ini] Insha-Allah.
- NA : **Okey, seterusnya menurut Hajah, apakah persediaan yang generasi perlu sediakan jika mereka mahu meneruskan seni kraf anyaman ini?**
- KA : Diri dia sendiri lah. Minat dulu [dahulu]. Kalau minat dahulu, baru boleh buat. Kalau dia tak [tidak] minat, kita ajar macam mana pun dia tak [tidak] akan minat. Kena ada masa lapang. Orang kata kalau sekolah dah [sudah] tak [tidak] boleh pergi, boleh buat bidang ini. Lepas [selepas] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], lepas [selepas] tingkatan tiga [3] ke tak [tidak] sekolah ke pun tak [tidak] apa buat anyaman ni [ini]. Boleh. Tapi [tetapi] kena tumpu sepenuhnya. Kena minat betul-betul. Ini banyak ni [ini] kelarai-kelarai yang masa kita - ada kelarai bukit siput lah. Macam-macam ada (sambil memegang buku berkenaan motif kraf anyaman). Kalau tak [tidak] ada penyambung, sayang juga. Kena ada pelapis juga lah.

- NA : **Apakah nasihat yang Hajah boleh sampaikan kepada anak muda supaya mereka terus bersemangat untuk memelihara seni kraf ini?**
- KA : (Ketawa kecil) nak [hendak] nasihat macam mana ya. Kalau nak [hendak] nasihat orang tu [itu], kena panggil lah orang tu [itu] (sambil ketawa). Tak [tidak] reti [pandai]. Gini [begini] lah, kalau nak [hendak] suruh anak-anak muda minat, biar dia tengok dulu [dahulu]. Kalau kita bagi semangat kepada dia. Beri dia tengok usahawan-usahawan hok [yang] anyaman hok [yang] berjaya ni [ini]. Kalu [kalau] dia tok [tidak] tengok hok [yang] berjaya memang diorang [mereka] tak [tidak] minat. Diorang [mereka] tak [tidak] tahu. Kita kena beri pendedahan tu [itu] kepada dia.
- NA : **Betul-betul. Kurang pendedahan lah sekarang ni [ini].**
- KA : Kena - tahu. Tok [tidak] tahu nak [hendak] kata (sambil ketawa).
- NA : **Takpe [tidak mengapa] Hajah. Okey ---**
- KA : Anak sendiri pun tak [tidak] minat (ketawa kecil). Bukan dok [tidak] minat ---
- NA : **Sebab dia punya banyak proses tu *maybe* [mungkin] budok-budok [budak-budak] sekarang tu [itu] macam kurang ---**
- KA : Ya ya betul. Banyak proses ni [ini] proses bahan tu [itu]. Yang menyebabkan diorang [mereka] tok [tidak] minat proses bahan peringkat awal. Dia susah [susah] sikit [sedikit]. Kalau ada bahan hok [yang] dah [sudah] siap doh [sudah], mungkin diorang [mereka] minat.
- NA : **Sebab boleh terus buat kan?**

- KA : Ha, ya. Lepastu [selepas itu] promosi kena tingkatkan lagi. Kipas ni [ini] (sambil mengambil produk kraf kipas tangan), orang ada nak [hendak] buat. Jadi setakat tempahan seratus [100] sebulan, lepastu [selepas itu] tak [tidak] ada dah [sudah] orang tempah. Jadi tak [tidak] buat lah. Kena ada sentiasa. Kalau ada badan seperti kerajaan negeri buat satu pusat, pusat pelancongan kumpul usahawan-usahawan yang buat anyaman ini. Macam contoh dulu [dahulu] di Kampung Rusila ni [ini], kita ada tempat bangunan MARA [Majlis Amanah Rakyat]. Bangunan tu [itu] untuk menjual barang anyaman sahaja. Dahulu seratus [100] peratus orang Rusila buat anyaman. Sekarang ini, nak [hendak] dapat sepuluh [10] peratus pun sakit doh [sudah]. Mungkin punca dia sebab promosi juga lah.
- NA : **Soalan terakhir, apakah harapan yang Hajah inginkan daripada temubual ini dan mungkin sedikit pesanan lah kepada kami?**
- KA : Harapan supaya berkekalan lah. Biar [agar] temubual berpanjangan supaya kraf anyaman ini hidup balik. Encik Fakrul, Cik Nadia cuba naikkan lagi seni kraf ini. Biar [agar] sampai ke peringkat atas. Harapan tu [itu] lah.

TAMAT BAHAGIAN G

BAHAGIAN H: SOALAN TAMBAHAN

- NA : Okey, Hajah baiklah terima kasih. Di sini ada soalan tambahan yang ingin kami tanyakan kepada Hajah. Melalui pengalaman Hajah, macam mana Hajah ingin menarik minat orang lain untuk sama-sama menceburi bidang kraf ini?**
- KA : Nak [hendak] tarik minat orang lain?**
- NA : Ha, macam mana nak [hendak] tarik minat.**
- KA : Cakap-cakap, sembang-sembang gitu [begitu] lah. Cakap-cakap dengan kawan-kawan, dengan sape-sape [siapa-siapa] kita jumpa ni [ini], hok [yang] mana yang kita ajar macam pelatih peserta kursus, sambil-sambil mengajar sambil bercakap. Bagi semangat kat [dekat] dia. Sebabnya barang ni [ini] ada sambutan. Gitu [begitu] jelah [sahaja lah]. Kadang-kadang ada kenalan, bagitahu.**
- NA : Itu sahaja soalan untuk sesi kedua ini. Saya serahkan kembali kepada rakan saya, Fakrul.**
- MF : Baik terima kasih Nadia di atas sesi kedua yang baru selesai sebentar tadi. Dengan berakhirnya sesi kedua tadi, maka berakhirilah sesi bual bicara pada hari ini. Saya Fakrul dan Nadia selaku wakil pelajar UiTM [Universiti Teknologi Mara] mengucapkan terima kasih di atas masa dan peluang yang diberikan oleh Hajah pada hari ini. Sesungguhnya, ini semua pengalaman yang berbeza dan bermakna buat kami.**

Dengan ini, tamatlah sesi temu bual bersama Hajah Kelsom Binti Abdullah sepanjang berkhidmat sebagai Adiguru kraf Anyaman dari tahun 2018. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada pekerbangan ilmu dalam bidang seni kraf anyaman, para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

TAMAT SESI TEMURAMAH

RUJUKAN

- Craft Mall. (2020). *Adiguru Anyaman: Hajah Kelsom Bt Abdullah*. Diambil dari <https://malaysiancraft.shop/adiguru-anyaman-hajah-kelsom-bt-abdullah/>
- Harian Metro. (2021). *Peneraju kraf Warisan Bangsa*. Diambil dari <https://www.hmetro.com.my/xpresi/2021/04/693539/peneraju-kraf-warisan-bangsa>
